

UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DATIN PADUKA  
DR. SITI HASMAH BTE HJ. MOHD. ALI  
PENAUNG PUSPANITA KEBANGSAAN  
DI MAJLIS PEMBUKAAN RASMI RUMAH PUSPANITA  
DI JALAN HOSE, BUKIT PETALING, KUALA LUMPUR  
PADA HARI AHAD, 8HB. FEBRUARI, 1987  
PUKUL 10.00 PAGI

Yang Berbahagia Puan Sri Datin Hafsa bte  
Hj. Nasir, Yang DiPertua PUSPANITA;

Ahli-ahli Majlis Tertinggi PUSPANITA;

Hadirin sekalian.

Semenjak PUSPANITA di peringkat kebangsaan dilancarkan pada 1 Mac 1983 saya telah mengikuti perjalanan dan perkembangannya daripada media massa dan daripada Berita PUSPANITA sendiri. Selain daripada itu saya telah beberapa kali dijemput menghadiri majlis-majlis dan aktiviti-aktiviti yang diadakan oleh PUSPANITA seperti Bengkel Anti-Dadah, Majlis Kenal Mesra dengan Penaung-Penaung dan Malam PUSPANITA. Malam PUSPANITA tersebut telah diadakan untuk mengumpulkan wang bagi membiayai kerja-kerja pengubah-suaian dan kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan untuk Rumah PUSPANITA. Pada hari ini kita semua bertemu di sini untuk upacara perasmiannya setelah selesai sebahagian daripada

... kerja-kerja/-



- 2 -

kerja-kerja yang perlu untuk menjadikannya sebagai pusat pentadbiran dan kegiatan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diundang untuk menghadiri Majlis ini dan melakukan upacara perasmian. Memang PUSPANITA ada tempat dalam hati dan fikiran saya.

2. Dalam masa yang boleh dikatakan singkat, PUSPANITA telah bergerak di seluruh negara seperti yang diharapkan. Dalam lawatan saya ketiap-tiap negeri pada bulan Oktober hingga Disember 1986, saya diraikan oleh pertubuhan-pertubuhan wanita negeri dalam majlis perjumpaan mesra. Dalam semua majlis, PUSPANITA telah memainkan peranan yang utama dan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan

**...wanita/-**



wanita yang lain. Banyak aktiviti bagi ahli-ahli dijalankan dan didapati ahli-ahli amat mesra dan cekap menjalankan tanggungjawab masing-masing.

3. Begitu ramai wanita di negara ini menjadi anggota perkhidmatan awam atau isteri anggota perkhidmatan awam. Oleh itu pada hemat saya, paling wajar ada satu persatuan bagi mereka untuk merapatkan perhubungan muhibah di antara kedua-dua golongan ini. PUSPANITA telah memainkan peranan sebagai saluran untuk mencapai perhubungan di kalangan ahli-ahlinya dan juga pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain. Saya difahamkan masih ramai lagi wanita dan isteri dalam perkhidmatan awam yang belum menjadi

...ahli./-

ahli. Barangkali mereka berasa skeptis dan menunggu untuk melihat sama ada PUSPANITA akan berjaya. Pada umumnya ramai orang lebih suka menyertai sesuatu yang berjaya daripada membentuk dan mengusahakan sesuatu sehingga berjaya. Kepada mereka yang telah berusaha dengan semangat peneroka yang gigih, saya ucapkan tahniah.

4. Oleh kerana ahli-ahli PUSPANITA adalah suri dan anggota perkhidmatan awam, satu daripada tujuan PUSPANITA adalah untuk menggalakkan perkembangan pengetahuan dan kemahiran serta kemajuan diri. Ini adalah penting bukan sahaja untuk diri mereka sendiri tetapi untuk suami, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara. Oleh itu

,... memang/-

memang wajar PUSPANITA mengadakan berbagai ceramah, kursus, bengkel, forum dan seminar untuk mencapai tujuan tersebut. Baik kerjaya mahupun masyarakat, bahkan agama, menghendaki dan menggalakkan kemajuan diri. Bagi pemimpin-pemimpin PUSPANITA, iaitu puan-puan sekalian yang ada di sini, perkara ini lebih penting lagi kerana puan-puanlah yang menjadi teladan kepada ahli-ahli yang lain.

5. Saya harap Rumah PUSPANITA ini akan digunakan untuk berbagai aktiviti yang patut diadakan bagi menjalin silaturahim dan mencapai kemajuan diri. Saya dimaklumkan sungguhpun perpustakaan mini dan pusat sumber yang dirancangkan belum dapat diselesaikan penubuhannya, beberapa bahan bacaan seperti

**...majalah,-**

majalah, buletin, risalah dan hasil kajian yang diterbitkan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan telah pun terkumpul dan dapat dibaca oleh ahli-ahli. Apabila perpustakaan dan pusat sumber itu tertubuh dengan lengkapnya nanti, ahli-ahli PUSPANITA, khususnya dari cawangan-cawangan kementerian, akan dapat menggunakannya dengan sepenuhnya. Puan-puan tidak harus melihat Rumah ini sebagai tempat menyimpan bahan-bahan dokumentasi dan kertas-kertas serta laporan-laporan PUSPANITA sahaja. Serinya Rumah PUSPANITA ini akan bergantung kepada banyaknya kegiatan yang dijalankan di dalamnya.

6. Saya lihat pada hari ini puan-puan telah menganjurkan acara yang melibatkan keluarga,

...khususnya/-

khususnya anak-anak ahli. Apa sahaja yang dilakukan oleh PUSPANITA yang menitik-beratkan kepentingan dan kebajikan anak-anak patut digalakkan. Dalam keadaan sekarang, ramai anak-anak jatuh ke lembah yang tidak diingini atau gagal menghadapi cabaran kerana 'kebiaran' — bukan daripada segi kebendaan tetapi emosi ataupun kerohanian.

7. Sebenarnya banyak yang boleh dilakukan oleh PUSPANITA untuk berkhidmat kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara sungguhpun saya faham bahawa PUSPANITA tidak mempunyai tabung kewangannya sendiri dan sebagai suri serta anggota perkhidmatan awam, ada peraturan yang harus dipatuhi dalam hal

...mendapatkan/-

mendapatkan biayaan. Sumbangan tenaga, masa dan kepakaran juga besar ertinya. Saya yakin tentang kebijaksanaan puan-puan di bawah pimpinan Puan Sri Datin Hafsah untuk merancang, menganjur dan menguruskan berbagai kegiatan di Rumah PUSPANITA ini, selain daripada kegiatan amal seperti kebajikan anak-anak yatim, kanak-kanak cacat dan orang-orang tua yang kurang mampu yang telah pun puan-puan uruskan.

8. Saya berdoa semoga ahli-ahli PUSPANITA sama ada di peringkat pusat ataupun negeri akan tetap dan terus maju pada masa-masa yang hadapan dan dengan adanya Rumah PUSPANITA ini, saya yakin semua ahlinya akan mengguna dan memelihara bangunan ini supaya usaha mendapatkannya tidak menjadi sia-sia.

...Dengan/-



- 9 -

9. Dengan harapan ini dan dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim saya dengan sukacitanya membuka Rumah PUSPANITA Kebangsaan dengan rasminya.

